

## DIP, platform lahirkan bakat inovator muda negara

Oleh [Mohd Iskandar Ibrahim](#) - Oktober 5, 2021 @ 12:35pm

[mohd\\_iskandar@bh.com.my](mailto:mohd_iskandar@bh.com.my)



Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin

KUALA LUMPUR: Program Inovator Digital (DIP) berupaya menjadi platform penting dalam melahirkan bakat inovasi muda celik digital untuk generasi masa depan negara.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata program menerusi kerjasama strategik Kementerian Pendidikan (KPM), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Pusat GENIUS @ Pintar Negara dihasilkan melalui Model Helix Quadruple.

Beliau berkata, model terbabit merangkumi institusi pendidikan iaitu sekolah dan universiti, KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), rakan industri seperti syarikat EdTech, Tech Corporations, badan bukan kerajaan (NGO) serta yayasan dan komuniti termasuk persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) serta alumni.

"DIP adalah program teknologi digital khas untuk memupuk generasi inovator digital generasi akan datang. Mereka akan menjadi sebahagian daripada Pusat GENIUS @ Pintar Negara yang memberi tumpuan kepada teknologi digital, keusahawanan dan pembelajaran berasaskan projek.

"Ini akan memastikan pengembangan bakat digital yang konsisten untuk mengekalkan dan mengembangkan ekonomi digital negara," katanya berucap pada majlis pelancaran program terbabit yang diadakan secara maya, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPM, Datuk Yusran Shah Mohd Yusof; Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadhir Aziz dan Naib Canselor UKM, Pro Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman.

Radzi berkata, menerusi program terbabit, beliau yakin negara dapat mempercepatkan proses melahirkan lebih ramai inovator dalam memanfaatkan teknologi digital, kecederdasan buatan (AI), blockchain, cloud computing dan sains data.

"Saya berharap program ini menjadi penanda aras dan dikembangkan di sekolah arus perdana lain sesuai agenda negara mewujudkan ekonomi yang didorong oleh inovasi," katanya.

Mengulas kerjasama MDEC, beliau berkata, agensi itu memainkan peranan penting dalam menyokong KPM menerusi inisiatif MyDigitalMaker sejak 2016 dalam mengintegrasikan sains komputer dalam kurikulum sekolah.

Katanya, sehingga kini, inisiatif terbabit memberi kesan langsung kepada lebih dua juta pelajar di seluruh negara.

Sementara itu, Mahadhir berkata, pembangunan DIP adalah susulan kejayaan program Digital Ninja MDEC, inisiatif kurikulum tambahan untuk pelajar Tingkatan Satu hingga Lima, sejak lima tahun lalu.

"DIP adalah inisiatif penting berperanan merealisasikan matlamat dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) iaitu untuk melahirkan pencipta dan penginovasi digital," katanya.

Dilengkapi Ruang Pencipta Digital (Digital Maker Space) yang canggih, DIP dapat memupuk kreativiti murid menyelesaikan masalah terkini melalui teknologi digital dengan menyediakan lebih banyak peluang Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) dan bimbingan untuk memupuk kemahiran keusahawanan.

Selain itu, murid didedahkan dengan program terkini dan kemahiran berkaitan lain yang menyentuh berkenaan sains data, AI, keselamatan siber serta pembangunan aplikasi mudah alih menerusi pembelajaran di Kolej [GENIUS@Pintar](#) Negara, UKM